

11 APR 2000

Umno-Gua Musang

JAWATANKUASA PENGURUSAN DIJANGKA BINCANG KEPUTUSAN GUA MUSANG

PULAU PINANG, 11 April (Bernama) -- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno esok dijangka membincangkan keputusan bahagian Umno Gua Musang menyerahkan hak pencalonan bagi semua jawatan parti kepada anggota jawatankuasa bahagian itu.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata, perkara itu dijangka diteliti pada mesyuarat jawatankuasa yang bersidang pada setiap Rabu itu, kerana ia merupakan isu yang relevan dan memerlukan satu keputusan.

Katanya, beliau percaya perkara itu akan disentuh pada mesyuarat itu selain membincangkan keputusan pencalonan oleh semua bahagian Umno.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melawat RTM kawasan Utara di sini, Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, setakat ini belum ada bahagian yang menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian untuk membuat keputusan berhubung pencalonan untuk pemilihan parti Mei ini.

Katanya, semua aspek termasuk sudut teknikal akan diteliti dan akan dirujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) parti, yang bermesyuarat dua minggu sekali, untuk keputusan muktamad.

Laporan akhbar hari ini memetik Abdullah sebagai berkata bahawa Umno akan meneliti perlembagaan parti itu sebelum memutuskan sama ada keputusan Bahagian Gua Musang itu sah atau tidak.

Beliau juga berkata, perkara sedemikian tidak pernah dilakukan oleh mana-mana bahagian, dan arahan MT jelas iaitu semua bahagian hendaklah membuat pencalonan penuh tanpa meninggalkan kekosongan seperti yang tercatat dalam borang penamaan calon.

Sebelum ini, bahagian Tawau yang bermesyuarat awal bulan lepas hanya mencalonkan dua nama untuk jawatan Naib Presiden sedangkan bahagian-bahagian perlu mengisi tiga nama sebagaimana tercatat dalam borang pencalonan.

Tindakan itu telah menimbulkan tanda tanya mengenai kesahihan pencalonan berkenaan. Bagaimanapun Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kemudian menyatakan MT membenarkan pencalonan dua nama untuk jawatan itu kerana ia tidak bertentangan dengan perlembagaan parti dan aturan urusan parti.

Bahagian Gua Musang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang juga anggota Parlimen kawasan itu. Beliau setakat ini memperolehi 16 pencalonan untuk jawatan Naib Presiden, kurang satu pencalonan daripada had minimum untuk melayakkan beliau bertanding bagi jawatan itu.

Khalil berkata, ibu pejabat parti masih menunggu laporan rasmi mengenai mesyuarat Bahagian Gua Musang sebelum membuat sebarang keputusan berhubung tindakan bahagian itu.

Katanya, sehingga semalam bahagian itu belum menghantar sebarang nama atau laporan mesyuarat mereka, yang telahpun diadakan pada minggu lepas, dan beliau hanya mengetahui perkara ini daripada laporan akhbar.

"Jawatankuasa Bahagian Gua Musang kena hantar sesuatu kepada ibu pejabat terlebih dahulu dan saya akan rujukannya kepada Jawatankuasa Pengurusan untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata, jika jawatankuasa itu tidak dapat membuat syor yang tepat, ia akan dirujuk kepada MT dan menurut perlembagaan parti, MT berhak membuat keputusan muktamad.

Terdahulu, Khalil berkata Kementerian Penerangan akan mengemukakan maklumat tambahan terhadap cadangan pengkorporatan RTM kepada kabinet tahun ini dan perkara itu sudah diterima pada prinsipnya.

Katanya, sambutan kakitangan terhadap perkara ini juga baik kerana ia

adalah untuk kebaikan mereka dan juga cara meningkatkan mutu perkhidmatan radio dan televisyen.

Selain itu, katanya, tindakan akan diambil secara berperingkat-peringkat untuk meningkatkan mutu peralatan yang digunakan oleh Jabatan Penyiaran di negeri ini, yang ternyata sudah lama, bagi menjamin kualiti siaran.

Sebelum itu, Khalil mendengar taklimat dan berucap pada perjumpaan tertutup dengan kakitangan RTM di sini.

-- BERNAMA

ZU NMO